

26 JUL 2000

Hasina-Lawat/I

SHEIKH HASINA LAWAT MALAYSIA MULAI ISNIN

Oleh: Shafiqul Bashar

DHAKA, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai 31 Julai ini hasil jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Lawatan Perdana Menteri Hasina akan menyatu dan memperkukuhkan hubungan persaudaraan sedia terjalin antara kedua-dua negara," kata Menteri Negara Bangladesh bagi Hal Ehwal Luar Abul Hasan Chowdhury yang akan mengiringi Hasina dalam lawatan itu.

Ketika bercakap kepada Bernama di sini, Abul Hasan berkata: "Sheikh Hasina sentiasa memberikan perhatian berat terhadap hubungan dua hala antara Dhaka dan Kuala Lumpur dan menganggap Malaysia sebagai rakan rapat Bangladesh."

Katanya rakyat Bangladesh menghormati dan menyanjungi Dr Mahathir.

"Perdana Menteri Sheikh Hasina amat berminat untuk bertemu pemimpin agung Dr Mahathir Mohamad di negaranya," kata Abul Hasan.

Sheikh Hasina, anak perempuan pengasas Bangladesh, Sheikh Mujibur Rahman, menjadi perdana menteri pada Jun 1996. Sejak memegang jawatan itu, Hasina bertemu Dr Mahathir beberapa kali di seberang laut semasa mereka menghadiri persidangan antarabangsa.

Dr Mahathir melakukan tiga lawatan rasmi ke Bangladesh sejak menjadi Perdana Menteri. Lawatan terakhir beliau ke Bangladesh ialah pada Mac 1999 apabila beliau menghadiri Sidang Kemuncak Lapan Negara Membangun (D-8).

Lawatan oleh Sheikh Hasina itu merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia sebagai Perdana Menteri. Sebelum ini, bekas Perdana Menteri Begum Khaleda Zia dan bekas Presiden Hussain Muhammad Ershad dan Ziaur Rahman telah melawat Malaysia.

Abul Hasan berkata kerjasama ekonomi antara Bangladesh dan Malaysia sudah berkembang.

"Semakin banyak pelaburan Malaysia masuk ke Bangladesh," katanya.

Malaysia merupakan pelabur asing ketiga terbesar di Bangladesh selepas Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Usahawan Malaysia setakat ini sudah melabur US\$1.3 bilion di Bangladesh. Pelaburan Malaysia adalah dalam bidang telekomunikasi, penjaan kuasa elektrik, jalan dan pengangkutan.

Menurut sumber rasmi di Dhaka, jumlah perdagangan dua hala antara Bangladesh dan Malaysia kini berjumlah US\$165 juta setahun. Perdagangan berpihak kepada Malaysia yang telah mengeksport komoditi bernilai lebih US\$125 juta ke Bangladesh tahun lepas.

Eksport utama Malaysia terdiri daripada minyak sawit dan produk minyak sawit selain produk pengguna lain.

Bangladesh mengeksport jut dan barangan jut, udang beku dan ikan dan beberapa bahan lain ke Malaysia.

Mengenai bilangan besar pekerja Bangladesh di Malaysia, Abul Hasan berkata: "Saya pasti mereka menyumbang kepada ekonomi kedua-dua negara."

Menurut perangkaan rasmi, lebih 150,000 pekerja Bangladeshi kini bekerja di Malaysia.

Delegasi Hasina termasuk Menteri Buruh dan Tenaga Manusia M.A.Mannan yang dijangka berbincang dengan rakan sejawatannya di Malaysia mengenai kemungkinan mengambil lebih ramai pekerja negara itu bekerja di Malaysia.

Seorang pegawai kanan Kementerian Luar Bangladesh memberitahu Bernama bahawa Sheikh Hasina dan Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan rasmi yang meliputi keseluruhan hubungan dua hala selain isu-isu serantau dan

antarabangsa.

Bangladesh dan Malaysia yang menganggotai Pertubuhan Negara Islam (OIC), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), D-8, Komanwel dan beberapa forum antarabangsa, mempunyai pendapat serupa mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

"Perkara berkaitan dengan soal meluaskan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara dan menyediakan insentif kepada usahawan Malaysia untuk melabur lebih di Bangladesh merupakan antara agenda utama dalam perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu," kata pegawai berkenaan.

Delegasi 30 ahli perniagaan juga akan mengiringi Hasina ke Kuala Lumpur. Mereka akan berbincang dengan rakan mereka di Malaysia mengenai kemungkinan meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

-- BERNAMA

SB AHH LAT MAI